



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PAS MEDIA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2025

PUTRAJAYA, 26 Ogos 2025 - Jawatankuasa Media dan Publisiti (JKMP) Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2025 telah membuka permohonan pas media sempena Sambutan Hari Malaysia 2025 yang akan berlangsung di PICCA Convention Centre@Butterworth Arena Pulau Pinang pada 16 September.

Permohonan pas media tersebut terbuka kepada **tiga (3) orang pengamal media sahaja bagi setiap agensi**. Sehubungan dengan itu, pengamal media yang akan membuat liputan bagi acara tersebut boleh membuat permohonan melalui pautan <https://forms.gle/eMz43TYdk46JdGuv6> selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2025 (Ahad), pukul 12.00 tengah hari**. Setiap permohonan yang diterima akan melalui proses semakan dan tapisan oleh pihak keselamatan sebelum kelulusan diberikan.

Pas media bagi permohonan yang telah diluluskan akan diedarkan pada **14 dan 15 September 2025 (Ahad dan Isnin) bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Pusat Media Hari Malaysia 2025, PICCA Convention Centre@Butterworth Arena Pulau Pinang**.

Pengamal media **WAJIB** menggunakan **pas media** yang telah dikeluarkan oleh urus setia sepanjang tempoh membuat liputan.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus dengan **Encik Mazizul Dani** menerusi talian **017-212 1274** atau **Puan Siti Nur Laila Ab Hadi** menerusi talian **019-452 0072**.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Media dan Publisiti
Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025**